

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,**

**PARLIMEN KETIGA BELAS,**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN  
[ JELUTONG ]**

**SOALAN :**

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [ Jelutong ] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah keputusan Unit Perancangan Ekonomi (EPU) tentang gagasan Kerajaan untuk membina satu lapangan terbang antarabangsa baru di wilayah Kedah Selatan dan Perak Utara. Apakah keutuhannya daripada segi menyatupadukan logistik lautan, darat dan udara dalam satu pautan yang komprehensif.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini kajian mengenai pembangunan lapangan terbang antarabangsa baru di utara Malaysia sedang dijalankan. Kajian dijangka selesai pada bulan November tahun ini dan hasil kajian tersebut akan dibentangkan kepada Kerajaan. Kajian yang dijalankan akan mengambil kira aspek integrasi antara pelbagai mod pengangkutan termasuk darat, udara dan laut. Di samping itu, aspek ekonomi, sosial dan perancangan guna tanah serta impak kepada alam sekitar akan juga diambil kira dalam kajian ini.

Sekian, terima kasih.